

17/05/2000

Mirzan mohon batal pernyataan pembelaan anak syarikat Star

KUALA LUMPUR, Selasa - Mirzan Mahathir yang menyaman Star Papyrus Printing Sdn Bhd, mengemukakan permohonan untuk membatalkan pernyataan pembelaan anak syarikat kepada Star Publications (M) Bhd itu.

Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi, Norliza Othman menetapkan 23 Mei ini untuk perbicaraan permohonan itu. Peguam bela Mirzan, Datuk V K Lingam dan peguam bela Star Papyrus, Bhag Singh hadir ketika tarikh itu ditetapkan.

Sementara itu, Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Dr Kamalanathan Ratnam memberitahu Lingam dan Bhag bahawa beliau hanya akan menetapkan tarikh perbicaraan kes saman malu selepas semua permohonan sampingan kes itu selesai.

Sehubungan itu, beliau menetapkan 6 Jun ini untuk pengurusan kes saman berkenaan.

Semalam, Mahkamah Rayuan memerintahkan kes itu disebut di depan Dr Kamalanathan bagi membolehkan hakim berkenaan menetapkan tarikh perbicaraan selewatnya enam bulan bermula hari ini.

Mahkamah Rayuan juga mengeluarkan perintah bahawa semua permohonan sampingan kes itu yang akan dikemukakan kepada mahkamah perlu diselesaikan dalam tempoh enam bulan itu.

Bagaimanapun, Star Papyrus dan Mirzan diberi kebebasan untuk mengemukakan sebarang permohonan sama ada di Mahkamah Tinggi atau Mahkamah Rayuan.

Dalam keputusannya semalam, Mahkamah Rayuan juga mengetepikan keputusan Dr Kamalanathan yang memerintahkan Star Papyrus memberi butiran dakwaan fitnah terhadap Mirzan dalam tempoh 14 hari dan jika gagal, pernyataan pembelaan syarikat itu akan dibatalkan.

Hakim Mahkamah Rayuan, Datuk Gopal Sri Ram yang bersidang bersama Datuk Ahmad Fairuz Sheikh Abdul Halim dan Datuk Haidar Mohd Noor membuat keputusan itu, selepas Star Papyrus dan Mirzan bersetuju dengan keputusan penyelesaian rayuan itu.

Gopal berkata walaupun perintah Mahkamah Tinggi itu diketepikan, keputusan mahkamah berhubung penyerahan butiran itu pada 28 dan 30 Ogos serta pindaan butiran itu pada 19 Oktober 1999 masih kekal.

Selain itu, katanya, keputusan hakim perbicaraan berhubung kenyataan yang disiarkan itu mempunyai unsur fitnah tidak mengikat Star Papyrus atau Mirzan dalam perbicaraan nanti.

Gopal berkata, mahkamah juga mengetepikan perintah kos tanggung rugi yang dikeluarkan terhadap Star Papyrus.

Penolong Kanan Pendaftar pada 13 Ogos tahun lalu memerintahkan Star Papyrus menyediakan butiran lanjut kandungan artikel yang didakwa memfitnah Mirzan yang disiarkan oleh The Asian Wall Street Journal (AWSJ).

Dr Kamalanathan pada 7 Mac lalu menolak rayuan Star Papyrus untuk mengetepikan keputusan penolong kanan pendaftar.

Mirzan mengemukakan saman malu terhadap Star Papyrus dan menuntut ganti rugi sebanyak RM150 juta.

Dalam pernyataan tuntutanannya, Mirzan mendakwa artikel itu memfitnahnya dengan membawa maksud beliau membina empayar perniagaannya bukan atas kemampuannya tetapi mendapat faedah daripada keistimewaan, nepotisme dan pilih kasih.

Sehubungan itu, katanya, perasaan dan nama baiknya dalam bidang perniagaan terjejas serta tercemar.

Menurutnya, artikel itu memberi gambaran beliau menjalankan perniagaan secara cuai, tetapi selamat kerana menyalahgunakan kedudukannya sebagai anak Perdana Menteri serta diselamatkan oleh kerajaan atas pengaruh bapanya.

Dalam pernyataan pembelaannya, Star Papyrus menafikan artikel yang dicetak itu memfitnah Mirzan.

Sehubungan itu, Star Papyrus akan membatalkan saman berkenaan jika Mirzan ingin meneruskan tuntutannya ke atas syarikat itu.

(END)